

**MEMO UNIT KESELAMATAN
HOSPITAL SIBU**

Rujukan : HSBU.200-3/1/3 JLD.4 (35)

Perkara	Peraturan dan Garis Panduan Bagi Pelawat / Penjaga di Hospital Sibu, Sarawak.	
Daripada	Pengarah Hospital	
Kepada	Semua HOU dan HOD	s.k :- Timbalan Pengarah Perubatan II
Tarikh	13.05.2022	- Penolong Pengarah Kanan - Penolong Pengarah (Pengurusan)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 baru-baru ini telah mempersetujui Peraturan dan Garis Panduan Bagi Pelawat / Penjaga Di Hospital Sibu yang telah ditetapkan dalam mesyuarat tersebut pada 11 Mei 2022.
3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Peraturan dan Garis Panduan Bagi Pelawat / Penjaga di Hospital Sibu untuk tindakan tuan / puan selanjutnya.
4. Perhatian dan kerjasama daripada Dr./tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(DR.NANTHAKUMAR A/L THIRUNAVUKKARASU)

Pengarah Hospital
Hospital Sibu

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PELAWAT / PENJAGA DI HOSPITAL SIBU SARAWAK

KRITERIA PELAWAT / PENJAGA

1. Waktu melawat pada setiap hari termasuk cuti awam.

Tengah Hari	:	12:00 tengah hari hingga 2 petang
Petang	:	5 petang hingga 7 malam
2. Hanya **satu (1) pelawat dan satu (1) penjaga** dibenarkan bagi setiap pesakit pada satu-satu masa. Maksimum hanya dua individu sahaja boleh berada di katil pesakit. (Contoh: Sekiranya pesakit tersebut tidak mempunyai penjaga, dipertimbangkan 2 pelawat dalam 1 masa).
3. Pelawat serta penjaga **WAJIB** membawa bersama **pas pelawat atau penjaga** sebelum memasuki bangunan klinikal dan wad.
4. Hendaklah berumur ≥ 12 tahun.
5. Telah **lengkap vaksin COVID-19** (merujuk kepada definisi terkini yang dikeluarkan oleh KKM).
6. **Bukan daripada kumpulan berisiko tinggi** (sistem imun yang rendah, pelbagai komorbiditi).
7. Bukan dalam kumpulan **disyaki COVID-19 atau Orang Dalam Pengawasan (PUS)**
8. **Tiada simptom** yang menunjukkan COVID-19.
9. Mengisi **Borang Persetujuan dan Pemahaman Berisiko Jangkitan COVID-19** bagi Penjaga Pesakit.
10. Menjalani **ujian COVID-19** seperti yang ditetapkan.
 - a) Penjaga dan peneman semasa bersalin hendaklah disaring negative menggunakan ujian RTK Antigen sendiri dalam masa 24 jam sebelum masuk ke hospital.
 - b) Nyatakan tarikh dan masa ujian RTK Antigen sendiri dilakukan dan ambil ambar sebagai bukti.
 - c) Gunakan ujian RTK Antigen sendiri yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).
11. Mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP)** dan alat **pelindung diri (PPE)** yang disyorkan.
12. Sekiranya ada ahli keluarga yang ingin mengadakan **upacara doa atau keagamaan untuk pesakit tenat (end of life)**, mereka adalah dibenarkan setelah mendapat kebenaran dari wad doktor.

13. Namun, untuk kes-kes tertentu / kritikal / kecemasan, pelawat akan dipertimbangkan untuk memasuki wad (melebihi 2 individu) dengan kebenaran daripada doktor yang merawat.
14. Pihak Hospital SibU berhak **melarang pelawat** dari memasuki bangunan hospital/wad atau mengarahkan pelawat keluar dari bangunan hospital / wad **sekiranya polisi melawat ini tidak dipatuhi.**
15. Pihak hospital **tidak akan bertanggungjawab di atas apa apa jangkitan penyakit** yang diperolehi oleh pesakit semasa melawat.

Sekian, terima kasih.

Disahkan Oleh:



(DR.NANTHAKUMAR A/L THIRUNAVUKKARASU)

Pengarah Hospital,

No. PPP 44122

No. NSR 138100

Hospital SibU

Tarikh : 11 Mei 2022